

07 OCT 1996

Malaysia-Indonesia (Rangkuman)

TUNTUTAN SIPADAN/LIGITAN KE MAHKAMAH DUNIA

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Pertindihan tuntutan Malaysia dan Indonesia yang sudah lama berlarutan terhadap kepulauan Sipadan dan Ligitan, yang terletak di luar pantai timur negeri Sabah, kini menghampir jalan penyelesaian.

Pada mesyuarat dua jam antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Suharto dari Indonesia di sini hari ini, kedua-dua pemimpin itu bersetuju untuk mengemukakan pertelingkahan selama 27 tahun terhadap sepasang pulau kecil itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di The Hague, Belanda.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan menerima keputusan ICJ walaupun keputusan itu memihak kepada Indonesia.

"Saya fikir apa juga keputusan sama ada ia menguntungkan Malaysia atau Indonesia, itu tidak menjadi soal kerana kita telah bersetuju untuk menerima keputusan (ICJ)," kata beliau kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Presiden Suharto di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang. Suharto berada di sini untuk lawatan kerja dua hari.

Pada mesyuarat mereka yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri, kedua-dua pemimpin itu membincangkan isu-isu politik dan ekonomi dan sependapat mengenai beberapa perkara.

Dr Mahathir dan Suharto juga membincangkan kemungkinan membina jambatan menghubungkan Semenanjung Malaysia dan Sumatera Utara serta meluaskan pelaburan Malaysia di Indonesia.

Kedua-dua pemimpin itu mengulangi bahawa Asean akan meneruskan dasar penglibatan konstruktif dengan Myanmar dan bersetuju bahawa isu-isu bukan perdagangan seperti hak asasi manusia tidak harus dibenarkan ditimbulkan pada mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Singapura pada Disember ini.

Selepas mesyuarat itu, Suharto menghadiri majlis jamuan tengah hari bersama-sama Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara, di sini sebelum ke lapangan terbang untuk berlepas pulang.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan mesyuarat antara Dr Mahathir dan Suharto itu sebagai "bermakna, yang membuktikan hubungan kukuh antara kedua-dua negara".

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat itu, Abdullah berkata kedua-dua pemimpin telah melahirkan hasrat supaya isu Sipadan-Ligitan itu tidak harus dibiarkan berterusan dan mahukan tuntutan pemilikan itu diselesaikan secara baik tanpa membangkitkan sebarang kerumitan dan ketegangan.

Abdullah dan rakan sejawatannya dari Indonesia, Ali Alatas, akan mengadakan mesyuarat tidak lama lagi untuk memutuskan mengenai prosedur bagi membawa perkara itu ke ICJ.

Malaysia dan Indonesia telah membuat tuntutan bertindih terhadap dua pulau kecil itu sejak 1969 dan menubuhkan satu Kumpulan Kerja Bersama 1991 bagi menentukan hak pemilikan itu.

Indonesia pada mulanya tidak bersetuju membawa perkara itu kepada ICJ dan sebaliknya mahukan ia diselesaikan dalam rangka kerja Asean.

Abdullah berkata Suharto telah memberitahu Perdana Menteri bahawa Indonesia bersedia untuk membekalkan lebih ramai pekerja ke Malaysia dan bersetuju supaya kemasukan mereka ke negara ini mengikut undang-undang untuk menghindarkan masalah.

Pada persidangan berita berasingan, Alatas berkata cadangan jambatan

menghubungkan kedua-dua negara itu adalah satu "idea yang baik" dan perbincangan lanjut akan diadakan.

"Untuk projek seumpama ini, sektor swasta perlu menyediakan modal dan kedua-dua kerajaan perlu berbincang lagi mengenai kemungkinan ini," katanya.

Alatas berkata Indonesia juga bercadang membina jambatan menghubungkan Sumatera dan Java, Java dan Bali serta di pulau-pulaunya yang lain.

Semasa mesyuarat itu, Dr Mahathir menyatakan bahawa Malaysia berminat meluaskan pelaburannya di Indonesia dan membuka ladang-ladang kelapa sawit di bahagian timur Indonesia.

Suharto menyambut baik hasrat Malaysia itu dan berharap agar tumpuan diberi ke kawasan timur Indonesia, yang sedang ditonjolkan oleh kerajaan Indonesia untuk tujuan pelaburan.

"Kita sentiasa mahukan projek pelaburan yang berintensif buruh sebagai satu keutamaan," kata Alatas.

Kedua-dua negara bersetuju meneruskan perbincangan mengenai pemasangan kabel dasar laut antara Sarawak dan Semenanjung Malaysia untuk projek hidroelektrik Bakun yang turut meliputi perairan Indonesia.

Suharto dan Dr Mahathir turut melahirkan kebimbangan mereka mengenai banyaknya kapal, khususnya yang besar-besar, menggunakan Selat Melaka selain perlunya Malaysia dan Indonesia serta Singapura mencari jalan meredakan keadaan.

Dr Mahathir dan Suharto juga bersetuju supaya dasar penglibatan konstruktif Asean dengan Yangon diteruskan "kerana mereka berdua berpendapat Myanmar tidak boleh dipencilkan". -- BERNAMA

ES MAM NAK